



Jabatan Perangkaan  
MALAYSIA

# BERITA DAN ISU SEMASA IMPAK COVID-19 KEPADA EKONOMI

**RUJUKAN: 29 JANUARI – 1 FEBRUARI 2021**

**BIL. 4 /2021**



## RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

### 1. PENDAHULUAN

Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan pada 1 Februari 2021 **kumulatif kes sembuh bertambah kepada 170,329** atau 77.7 peratus daripada keseluruhan kes berbanding **48,074 kes yang masih aktif**. Sementara itu, terdapat **4,214 kes baharu** direkodkan dan menjadikan jumlah jangkitan positif meningkat kepada **219,173 kes**. Penularan tempatan meliputi **99.8 peratus** daripada catatan harian dengan sebanyak **2,645 kes atau 62.9 peratus dikesan** melibatkan jangkitan dari **kalangan warganegara Malaysia** manakala **kes import hanya berjumlah 9 kes**. Kawasan Lembah Klang mendominasi jumlah **kes positif** dengan menyumbang **sebanyak 49.2 peratus**, Zon Selatan (29.5 peratus), Wilayah Malaysia Timur (9.2 peratus), Zon Utara (8.5 peratus) dan Zon Pantai Timur (3.5 peratus). Di peringkat negeri, **pertambahan kes harian baharu** diterajui menerusi catatan di **Selangor dan Johor** dengan masing-masing **merekodkan 1,362 dan 1,068 kes** disusuli W.P Kuala Lumpur (702 kes), Sabah (276 kes), Perak (193 kes) dan Pulau Pinang (119 kes). Sejumlah **770 kes kematian** telah dilaporkan sehingga kini dengan **10 kematian terbaru**.

Melihat kepada senario semasa pandemik COVID-19 di Malaysia, jangkitan kes positif telah mencecah angka 5000 kes selama 3 hari berturut-turut dengan catatan harian tertinggi direkodkan pada 30 Januari 2021 iaitu 5,728 kes. Prestasi ekonomi Malaysia terus berdepan cabaran berikutan ketidakpastian yang berterusan di dalam negara.

Sementara itu, berbanding unjuran yang dilaksanakan oleh World Bank, IMF telah menyemak semula angka pertumbuhan ekonomi dunia kepada unjuran yang lebih baik bagi tahun 2021. Keadaan ekonomi global dapat diperhatikan menerusi beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada PublicInvest Research Daily dan pelbagai sumber lain. Butiran terkini pasaran ekonomi antarabangsa adalah seperti berikut;

Global: **IMF menyemak semula unjuran pertumbuhan ekonomi dunia**. IMF menaikkan unjuran untuk pertumbuhan global tahun ini dengan mengambil kira penemuan vaksin COVID-19 dan dasar fiskal tambahan oleh negara-negara bagi melawan kesan pandemik ke atas ekonomi. KDNK global diramal meningkat 5.5 peratus tahun ini, lebih cepat daripada 5.2 peratus yang diunjurkan pada bulan Oktober tahun lepas. Semakan meningkat ini disumbangkan oleh semakan ke

atas AS, yang turut mengimbangi penurunan ke atas ramalan ekonomi Zon Eropah dan UK. Peningkatan tersebut dijangka akan menyaingi peningkatan pada tahun 2007 sebagai yang terbaik dalam tempoh empat dekad. Pada 2020, IMF menanggarkan dunia mengalami penguncupan -3.5 peratus. (Bloomberg)

**AS: Keyakinan pengguna terhadap prospek ekonomi meningkat.** Keyakinan pengguna AS meningkat pada bulan Januari apabila tinjauan terkini menunjukkan warga AS semakin optimis mengenai prospek ekonomi dan pasaran pekerjaan berikutan tambahan bantuan fiskal dan penghasilan vaksin COVID-19. Indeks sentimen Conference Board meningkat kepada 89.3 daripada bacaan 87.1 pada bulan lepas. Ukuran jangkaan masa hadapan meningkat ke paras tertinggi tiga bulan 92.5, sementara indeks sentimen keadaan semasa menurun menjadi 84.4, iaitu bacaan terburuk sejak Mei 2020. (Bloomberg)

**UK: Indikator jualan runcit UK jatuh ke tahap terendah semenjak Mei 2020.** Survei yang dilakukan oleh Confederation of British Industry menunjukkan jualan runcit UK mengalami penurunan tahun ke tahun yang paling besar sejak Mei 2020. Penurunan ini adalah disebabkan oleh langkah sekatan pergerakan ketat yang menyebabkan kerugian kepada sektor tersebut. Imbangan penjualan runcit merosot menjadi -50 pada Januari 2021. Sementara itu, data rasmi yang dikeluarkan oleh Official National Statistics UK menunjukkan **kadar pengangguran UK mencatatkan angka tertinggi sejak 2016** apabila sekatan pergerakan ketat yang kedua diperkenalkan bagi membendung gelombang penularan COVID-19. (Reuters)

**ASIA: Hong Kong mencatatkan pertumbuhan eksport terpantas sejak 2018.** Eksport HK meningkat 11.7 peratus tahun ke tahun pada bulan Disember, yang merupakan pertumbuhan dua digit pertama dan kadar kenaikan terpantas sejak Oktober 2018. Pada bulan November, eksport meningkat 5.6 peratus. Import melonjak 14.1 peratus tahun ke tahun pada bulan Disember setelah kenaikan 5.1 peratus pada bulan November. Pertumbuhan itu adalah yang keempat berturut-turut dan terpantas sejak Oktober 2018. Berdasarkan bulan ke bulan, eksport meningkat 3.3 peratus dan import meningkat 8.1 peratus. Defisit perdagangan yang ketara meningkat kepada HKD 45.7 bilion dari HKD25.6 bilion pada bulan November. Sementara itu **Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan Jepun** dilaporkan jatuh untuk bulan ketiga berturut-turut pada Disember 2020. BoJ melaporkan, indeks harga pengeluar perkhidmatan Jepun turun -0.4 peratus tahun ke tahun berbanding -0.5 peratus dicatatkan pada bulan November 2020. Selain itu, momentum **pengeluaran perindustrian Singapura dilaporkan tumbuh lebih perlahan** pada Disember 2020. Output industri meningkat 14.3 peratus tahun ke tahun pada Disember berbanding 18.7 peratus pada bulan sebelumnya. Tidak termasuk pembuatan bio-perubatan, pengeluaran industri meningkat 19.8 peratus pada bulan Disember, menyaingi kenaikan 14.0 peratus pada bulan sebelumnya. Pada asas perbandingan bulan ke bulan, pengeluaran industri meningkat 2.4 peratus pada bulan Disember, lebih rendah daripada kenaikan 7.5 peratus pada bulan sebelumnya. (RTT)

**AS: Tuntutan faedah pengangguran mingguan AS** turun lebih daripada yang dijangkakan. Laporan Labor Department AS menunjukkan penurunan berterusan dalam tuntutan faedah pengangguran AS pada minggu yang berakhir 23 Januari 2021 kepada 847,000, berbanding 914,000 pada minggu sebelumnya. Penganalisis ekonomi menjangkakan tuntutan faedah pengangguran akan menurun kepada 875,000 daripada 900,000. Tuntutan faedah pengangguran menurun untuk minggu kedua berturut-turut setelah mencapai paras tertinggi lebih dari empat bulan iaitu 927,000 pada minggu berakhir 9 Januari. Sementara itu, ekonomi AS 2020 dilaporkan mengalami penguncupan yang terburuk sejak Perang Dunia Kedua apabila penularan wabak COVID-19 telah meruntuhkan perniagaan perkhidmatan seperti restoran dan penerbangan. Selain itu pandemik ini juga menyebabkan berjuta-juta warga AS hilang pekerjaan. **Ekonomi AS dilaporkan menguncup -3.5 peratus pada tahun 2020.** Pada masa yang sama, Bank Pusat AS (Federal Reserve) **mengekalkan kadar faedah dan program belian aset** seperti yang dijangkakan. Federal Open Market Committee yang menyatakan bahawa akan mengekalkan kadar pinjaman jangka pendek dengan penanda aras hampir mendekati sifar dan mengekalkan program pembelian aset yang menyaksikan Fed membeli sekurang-kurangnya AS120 bilion sebulan. (RTT, Reuters, CNBC)

**EU: Inflasi Jerman kembali meningkat** dan mencapai paras tertinggi 11 bulan pada bulan Januari. Indeks harga pengguna tahunan Jerman mencatatkan pertumbuhan positif dan meningkat jauh lebih tinggi daripada yang dijangkakan. Federal Statistics Office Jerman melaporkan bahawa kenaikan cukai jualan dan kenaikan gaji minimum sebagai faktor di sebalik kenaikan tersebut. Harga pengguna, meningkat 1.6 peratus tahun ke tahun setelah menurun sebanyak 0.7 peratus pada bulan sebelumnya. Kenaikan ini adalah yang tertinggi sejak 1.7 peratus yang dicatatkan pada Februari 2020. (Reuters)

**ASIA: Indeks harga pengguna Singapura menurun** di semua kumpulan isi rumah pada separuh kedua tahun 2020. Inflasi utama Singapura kekal turun pada separuh kedua 2020 dengan IHP turun sebanyak -0.2 peratus tahun ke tahun. Penurunan terbesar difaktorkan oleh harga petrol, elektrik, perkhidmatan pesakit luar dan pakaian & kasut. Inflasi teras mencatatkan kenaikan harga di semua sektor selain penginapan dan pengangkutan persendirian. Sementara itu, Kementerian Kewangan Thailand menyemak kembali unjuran pertumbuhan KDNK 2021 negara tersebut. Unjuran diturunkan kepada 2.8 peratus berbanding 4.5 peratus yang diramalkan sebelum ini difaktorkan oleh impak berterusan bagi aktiviti pelancongan. Kementerian tersebut menjangkakan, negara yang bergantung kepada pelancongan itu hanya akan menerima sebanyak 5 juta pelancong asing tahun ini, turun 25 peratus dari tahun lalu. (Reuters)

## 2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

1. **Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC)** telah mengagihkan **geran bernilai RM2.35 juta** yang akan memanfaatkan **47** penerima terdiri daripada Perusahaan Kecil dan Sederhana (**PKS**) serta syarikat pemula niaga. Inisiatif ini memberi ruang kepada PKS dan syarikat pemula niaga untuk berkembang pada era Revolusi Perindustrian 4.0 (IR4.0) dengan memperkasakan bakat digital, membolehkan perniagaan diperkasakan secara digital dan menarik pelaburan sektor digital.
2. **Kadar penginapan** bagi Januari 2021 **merosot** ketara sehingga **20 peratus** sejurus pengumuman mengenai pelaksanaan **PKP 2.0** manakala pembatalan tempahan turut direkodkan di seluruh negara, termasuk bagi tempoh sambutan Tahun Baru Cina. Bagi tahun 2020, **industri perhotelan mengalami kerugian pendapatan sebanyak RM6.53 bilion**. Manakala bagi **setiap dua minggu pelaksanaan PKP 2.0, industri hotel** dijangka mengalami **kerugian hasil lebih RM300 juta**.
3. **Telekom Malaysia (TM)** mencatatkan **peningkatan penggunaan trafik Internet sebanyak 15 peratus** sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kedua dilaksanakan pada 13 Januari 2021 berbanding semasa PKP pertama pada Mac 2020. TM juga telah bekerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) bagi menyediakan perkhidmatan jalur lebar percuma di kawasan Program Perumahan Rakyat (PPR) terpilih untuk calon SPM dan STPM 2021.
4. **Proton Holdings Bhd** menyasar untuk **menggandakan jualan eksport dalam tempoh 12 bulan** dengan mengandaikan aktiviti eksport tidak terjejas. Pada bulan Disember 2020, operasi pemasangan tempatan di Kenya dan pelancaran **Proton X70 di Pakistan** menyumbang pertumbuhan jualan eksport sebanyak **50 peratus** berbanding jualan tempatan sebanyak **8.8 peratus**.
5. **Sektor perhutanan, perkayuan serta rantai melibatkan pembalakan dibenar beroperasi**. Ini dapat membantu pertumbuhan ekonomi negara walaupun semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Antara sektor rantai adalah sektor perabot yang dianggar menggunakan 85 peratus bahan mentah tempatan untuk menghasilkan perabot, secara tidak langsung memberi manfaat kepada mangsa banjir untuk mendapatkan bekalan perabot yang sebelum ini musnah.
6. **Bintulu Port Sdn Bhd (BPSB)** menjadi operator pelabuhan pertama di rantau Asean yang mengeksport gas asli cair (LNG) dalam tangki ISO (*International Organisation for Standardisation*) dalam skala besar.

7. **Terminal Kontena Butterworth Utara (NBCT)** akan diwartakan sebagai zon perdagangan bebas mulai 1 Februari. Ini diharap agar dapat menjadikan pelabuhan Pulau Pinang berkembang di peringkat antarabangsa dan menjadi pilihan pertama pengeksport asing.
8. **Eksport Malaysia ke China** mencapai tahap tertinggi baru pada 2020, ketika negara menunjukkan prestasi “cukup baik” dalam perdagangan luar dengan jumlah eksport **mencecah RM95.7 bilion** pada Disember. Produk getah, produk elektrik dan elektronik, serta produk minyak sawit dan pertanian berasaskan minyak sawit mencatatkan pengembangan eksport yang kuat. Prestasi eksport negara adalah hasil pembukaan semula ekonomi secara berperingkat dan pemulihan permintaan luar, serta pemeteraian Perkongsian Kerjasama Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) akan memberi akses kepada syarikat Malaysia ke pasaran lebih luas.
9. **Perdagangan luar Malaysia** untuk tahun 2021 dijangka tetap sederhana dengan **eksport yang dijangka meningkat 2.7 peratus**. Permintaan yang lebih tinggi untuk semikonduktor dan produk berasaskan komoditi dijangka mendorong eksport di samping aktiviti ekonomi global pulih.
10. **Harga runcit petrol RON95 dan RON97** masing-masing kekal pada **RM1.90 dan RM2.20 seliter** dari **30 Januari 2021 hingga 5 Februari 2021**. Harga runcit diesel dalam tempoh sama turun dua sen daripada RM2.09 seliter kepada RM2.07 seliter.
11. **MAA** menjangkakan **peningkatan jumlah keseluruhan industri (TIV) automatif sebanyak 570,000 unit** pada 2021 daripada 529,000 unit pada 2020 disebabkan oleh kaedah pinjaman sewa beli yang lebih rendah.
12. **Semua majikan** di sektor **pembinaan dan perkilangan di seluruh negara** telah diarahkan untuk **melakukan ujian saringan Covid-19 ke atas pekerja asing** mereka mulai 1 Februari 2021.
13. **Harga logam berharga susut lebih tiga peratus** tahun ini, prestasi Januari terburuknya sejak 2011, apabila pelabur mempertimbangkan **pengukuhkan dolar, prospek lebih banyak program rangsangan** serta **trajektori pandemik COVID-19**.
14. **Program Kemiskinan Bandar (5MY)** merupakan usaha **menangani kos sara hidup rakyat, kelangsungan hidup rakyat serta membasmi kemiskinan bandar di Wilayah Persekutuan**. Program 5MY ini meliputi aspek pekerjaan dinamakan sebagai MYJob@Wilayah, persekolahan (MYSchoolBus@Wilayah), barangan keperluan asas (MYGrocer@Wilayah), makanan (MYFood@Wilayah) dan perubatan (MYMedic@Wilayah).

15. **Kesatuan Kebangsaan Wartawan Semenanjung Malaysia (NUJM) berharap kerajaan dapat merangka program khas** bagi membantu dan meringankan beban yang dihadapi petugas media serta bekas kakitangan industri ini. Ini kerana sebahagian besar bekas kakitangan media berdepan nasib malang apabila ada sebahagian mereka diberhentikan kerja sejak tahun 2019 lagi.
16. **Perbadanan Kota Buku**, agensi Kementerian Pendidikan (KPM), telah membuat **penambahan buku teks digital Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR)** bagi Sekolah Rendah Kebangsaan (SRK), Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) Cina dan Tamil dalam aplikasi KPM eTextbook Reader.
17. **Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) menyumbang sebanyak lima tan buah nanas** pada bulan ini ketika negara dilanda musibah banjir yang melanda beberapa negeri serta pandemik COVID-19. Sumbangan ini diberikan untuk mangsa-mangsa banjir di Lipis, Maran dan Jerantut, Pahang serta kepada barisan hadapan negara iaitu Jabatan Kesihatan, Polis Diraja Malaysia serta Jabatan Penjara di Johor Bahru. Sumbangan buah nanas ini juga merupakan satu bentuk promosi kepada masyarakat untuk mengamalkan pemakanan nanas setiap hari yang mempunyai kandungan vitamin C yang tinggi, vitamin B6, Folate, Thiamin, Potassium serta enzim bromelin yang dapat memanfaatkan tubuh badan manusia.
18. **Peniaga pasar malam seluruh negara dapat memulakan perniagaan bermula hari ini kecuali bagi peniaga pakaian.** Laman Telegram Majlis Keselamatan Negara (MKN) menyenaraikan pasar malam dibenarkan beroperasi di kawasan terlibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula jam 4 petang sehingga 10 malam.
19. **Kumpulan persatuan peladang-peladang Malaysia** yang terlibat dalam keseluruhan rantai bekalan minyak kelapa sawit akan terus **mencadangkan langkah praktikal kepada pihak berkuasa dalam mengekang penularan wabak COVID-19** di dalam industri berkenaan. Kumpulan persatuan juga menyeru semua ladang dan rantai bekalan bekerjasama mengurangkan penyebaran virus dengan mematuhi SOP.
20. **Kerajaan tidak akan melaksanakan PKP penuh** seperti PKP tahun lalu kerana akan **memberi kesan teruk kepada kumpulan berpendapatan rendah.** Pendapatan peniaga kecil dan penjaja makanan juga telah merosot pada PKP ketika ini dan akan semakin terkesan jika kawalan aktiviti ekonomi diperketatkan lagi.

| <b>A. Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM)</b> |  |   |  |
|---|--|---|--|
| <b>Bil</b>  | <b>Akhbar</b>  | <b>Ringkasan</b>  | <b>Pautan</b>  |
| 1.  | <b>BERNAMA</b><br>29 Jan 2021<br>( <i>Essential</i> )  | <p><b>Tengku Zafrul confident COVID-19 national vaccination programme will boost economic recovery</b></p> <p>COVID-19 national vaccination programme, anticipated to be completed by the first quarter of 2022 (1Q22), will further drive Malaysia's economic recovery.</p> <p>COVID-19 national vaccination programme will be implemented in phases over a period of 12 to 18 months, with 80 per cent of Malaysia's population, or close to 27 million people, expected to be inoculated by 1Q22.</p> <p>Meanwhile, Malaysia continued to maintain its 2021 Gross Domestic Product (GDP) growth forecast at 6.5-7.5 per cent and fiscal deficit target of 5.4 per cent of GDP this year.</p> | <p><a href="#">Tengku Zafrul confident COVID-19 national vaccination programme will boost economic recovery</a></p>  |
| 2.  | <b>The Star</b><br>29 Jan 2021<br>( <i>Essential</i> ) | <p><b>Digitalisation efforts must be in tandem with initiatives: UNDP</b></p> <p>Government efforts to promote digitalisation and push for online business particularly during the COVID-19 pandemic would open up tremendous opportunities, but these must be complemented by initiatives to narrow down the digital divide.</p> <p>The public-private partnership model works in markets that are not well known and lack data.</p>   | <p><a href="https://www.thestar.com.my/business/business-news/2021/01/29/digitalisation-efforts-must-be-in-tandem-with-initiatives-undp">https://www.thestar.com.my/business/business-news/2021/01/29/digitalisation-efforts-must-be-in-tandem-with-initiatives-undp</a></p> |



|           |  |  |  |
|-----------|--|--|--|
| <p>3.</p> | <p><b>Berita Harian</b><br/>31 Jan 2021<br/>(<i>Non-essential</i>)</p> | <p><b>Dasar kerajaan pulihkan ekonomi negara diyakini</b></p> <p>Pengesahan penarafan hutang Malaysia pada A3 oleh Moody's membuktikan kepercayaan dan keyakinan terhadap pelaksanaan dasar kerajaan ketika ini untuk memulihkan ekonomi negara.</p> <p>Selepas 4 pakej rangsangan ekonomi diperkenal tahun lalu, kerajaan baru-baru ini memperkenalkan Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI) berjumlah RM15 bilion bagi membantu sebilangan besar golongan yang terjejas, terutama golongan rentan, golongan B40, golongan muda, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan mikro serta mereka dalam sektor tidak formal.</p> <p>Keyakinan terhadap kedudukan fiskal negara akan bertambah baik berasaskan jangkaan ekonomi negara akan terus memulih dan berkembang tahun ini.</p> <p>Sekiranya PKP kali kedua dilanjutkan bagi tempoh panjang, usaha memulihkan ekonomi negara akan memerlukan pakej rangsangan tambahan daripada kerajaan bagi memastikan kesan pandemik global ini tidak terus mengekang aktiviti ekonomi dalam negara.</p> | <p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/01/781433/dasar-kerajaan-pulihkan-ekonomi-negara-diyakini">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/01/781433/dasar-kerajaan-pulihkan-ekonomi-negara-diyakini</a></p> |
|-----------|--|--|--|

|    |  |  |   |
|----|--|--|---|
| 4. | <b>The Star</b><br>1 Feb 2021<br><i>(Essential)</i>      | <b>IT device sales go up in digital malls</b><br><br>Desktops and laptops are the main items on the shopping list for many who seek to upgrade their “work/study from home” spaces. Besides brand new laptops, there was also a demand for refurbished ones in the RM500 to RM1,500 price range.   | <a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2021/02/01/it-device-sales-go-up-in-digital-malls">https://www.thestar.com.my/news/nation/2021/02/01/it-device-sales-go-up-in-digital-malls</a>   |
| 5. | <b>Sinar Harian</b><br>1 Feb 2021<br><i>(Essential)</i>  | <b>Perak alami defisit RM77.4 juta kesan COVID-19, PKP</b><br><br>Pandemik COVID-19 memberi kesan kepada Kerajaan Perak dengan mencatatkan perbelanjaan defisit sebanyak RM77.4 juta buat pertama kali dalam tempoh 12 tahun pada tahun 2020. Dalam konteks pungutan hasil kerajaan negeri pula, jumlah terima hasil pada 2019 mencatatkan penurunan sebanyak 10 peratus iaitu RM111.4 juta berbanding 2019. | <a href="https://www.sinarharian.com.my/article/121802/BERITA/Nasional/Perak-alami-defisit-RM774-juta-kesan-Covid-19-PKP">https://www.sinarharian.com.my/article/121802/BERITA/Nasional/Perak-alami-defisit-RM774-juta-kesan-Covid-19-PKP</a> |
| 6. | <b>Berita Harian</b><br>1 Feb 2021<br><i>(Essential)</i> | <b>Malaysia sasar jadi hab digital ASEAN</b><br><br>Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) menyasarkan untuk menjadikan negara ini sebagai hab digital ASEAN, terutamanya dalam sektor kewangan Islam digital, kandungan kreatif dan permainan atau 'gaming'. Kerajaan turut menawarkan dana RM1.57 bilion melalui inisiatif Dana Penjana Nasional untuk merangsang syarikat teknologi tempatan.         | <a href="#">Malaysia sasar jadi hab digital ASEAN</a>   |

|  |  |  |  |
|--|--|--|--|
|  |  | Bagi tempoh Januari hingga Jun 2020, Malaysia menarik pelaburan lebih RM260 juta yang terdiri hampir 2,000 profesional data dan menjana pendapatan lebih RM250 juta serta nilai eksport hampir RM160 juta. |  |
|--|--|--|--|

**Penemuan penting & isu:**

1. Rakyat Malaysia terus bergantung kepada sambungan internet yang stabil untuk komunikasi atas talian supaya kekal produktif semasa bekerja dan belajar di rumah dan sekaligus mendorong kepada peningkatan penggunaan data. Selain itu, permintaan terhadap barangan elektronik terpakai juga meningkat dengan harga pilihan dalam lingkungan RM500 hingga RM1,500 sebuah.
2. Malaysia dilihat memiliki potensi besar untuk menjadi pelopor ekonomi digital di rantau ASEAN. Malaysia memiliki keupayaan dalam sektor kewangan Islam selain industri permainan digital yang sedang berkembang pesat. Kerajaan turut menawarkan dana RM1.57 bilion melalui inisiatif Dana Penjana Nasional untuk merangsang syarikat teknologi tempatan.
3. Pandemik COVID-19 memberi kesan kepada Kerajaan Perak dengan mencatatkan perbelanjaan defisit sebanyak RM77.4 juta buat pertama kali dalam tempoh 12 tahun pada tahun 2020. Dalam konteks pungutan hasil kerajaan negeri pula, jumlah terima hasil pada 2019 mencatatkan penurunan sebanyak 10 peratus iaitu RM111.4 juta berbanding 2019.

**Maklumbalas Bahagian:**

1. Permintaan dan penggunaan terhadap peranti elektronik dan perkhidmatan jalur lebar yang stabil dijangka akan terus meningkat apabila kebanyakan syarikat mula mengadaptasi konsep bekerja dari rumah serta sekolah-sekolah yang melaksanakan PdPR semasa tempoh PKP dilaksanakan. Pada tahun 2019, Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) menyumbang sebanyak 19.1% atau RM289.2 bilion kepada ekonomi.
2. Kesuraman ekonomi akibat pandemik memberi kesan kerajaan berbelanja lebih daripada kebiasaan sekaligus menjejaskan keadaan fiskal kerajaan. Pada tahun 2019, subsektor perkhidmatan kerajaan mencatatkan pertumbuhan 3.7 peratus (2018: 4.4%) dengan jumlah nilai ditambah RM8.4 bilion berbanding RM8.1 bilion pada tahun sebelumnya.

| <b>B. Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM)</b>   |  |   |   |
|---|--|---|---|
| <b>Bil</b>  | <b>Akhbar</b>  | <b>Ringkasan</b>  | <b>Pautan</b>   |
| <b>A. Subsektor Perdagangan Borong &amp; Runcit</b> |  |   |   |
| 1.  | <b>Harian Metro</b><br>29 Jan 2021<br>( <i>Essential</i> ) | <p><b>Harga RON95, RON97 kekal, diesel turun</b></p> <p>Harga runcit petrol RON95 dan RON97 masing-masing kekal pada RM1.90 dan RM2.20 seliter dari 30 Januari 2021 hingga 5 Februari 2021. Harga runcit diesel dalam tempoh sama turun dua sen daripada RM2.09 seliter kepada RM2.07 seliter.</p>  | <a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/01/669262/harga-ron95-ron97-kekal-diesel-turun">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/01/669262/harga-ron95-ron97-kekal-diesel-turun</a>   |
| 2.  | <b>The Star</b><br>29 Jan 2021<br>( <i>Essential</i> )     | <p><b>Bread maker says operations temporarily disrupted due to high number of COVID-19 cases in Klang</b></p> <p>Operation of Italian Baker Sdn Bhd (Bakery company Massimo Bread) has hit a temporary disruption due to the high number of COVID-19 cases in Klang.</p> <p>Although it was aware that the disruption adversely affected its business partners and inconvenienced consumers, the move was necessary given its efforts to prevent and mitigate the risk of COVID-19 infection.</p> | <a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2021/01/29/bread-maker-says-operations-temporarily-disrupted-due-to-high-number-of-covid-19-cases-in-klang">https://www.thestar.com.my/news/nation/2021/01/29/bread-maker-says-operations-temporarily-disrupted-due-to-high-number-of-covid-19-cases-in-klang</a> |

|    |   |   |  |
|----|---|---|--|
| 3. | <p><b>Bernama</b><br/>29 Jan 2021<br/>(<i>Essential</i>)</p>  | <p><b>TIV automotif dijangka cecah 580,000 unit tahun ini</b></p> <p>Persatuan Automotif Malaysia (MAA) mengunjurkan jumlah keseluruhan industri (TIV) automotif akan meningkat pada 570,000 unit pada 2021 daripada 529,000 unit pada 2020 (+8,0 peratus), dipacu oleh pemulihan aktiviti ekonomi, pelanjutan insentif cukai jualan hingga 30 Jun 2021 serta kadar faedah pinjaman sewa beli lebih rendah yang dapat merangsang jualan automotif.</p> <p>Ini turut didorong oleh unjuran pertambahan jumlah jualan kenderaan Proton (+20 peratus) dan Perodua (+13 peratus) yang dipacu oleh pelancaran model baharu seperti Proton X50 dan Kenderaan Utiliti Sukan (SUV) Perodua, D55L. Sektor ini akan mendapat manfaat daripada pengukuhan ringgit berbanding dolar AS yang akan mengurangkan kos pengimportan unit-unit pemasangan tempatan (CKD) dan model import sepenuhnya (CBU).</p> | <p><a href="https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1926634">https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1926634</a></p>   |
| 4. | <p><b>The Edge</b><br/>29 Jan 2021<br/>(<i>Essential</i>)</p> | <p><b>CGS-CIMB initiates coverage on Mr DIY with 'add' rating, RM3.45 target price</b></p> <p>Mr DIY expected to open about 157 to 175 stores across its three retail formats (Mr DIY, Mr TOY and Mr DOLLAR) over FY20 to FY22, representing a three-year store CAGR of 22.9% over the period. Its store expansion plan will be supported by Malaysia's</p>   | <p><a href="https://www.theedge.com/article/cgscimb-initiates-coverage-mr-diy-add-rating-rm345-target-price">https://www.theedge.com/article/cgscimb-initiates-coverage-mr-diy-add-rating-rm345-target-price</a></p> |

|  |   |   |   |
|--|---|---|---|
|  |   | growing and still relatively under-penetrated home improvement retail market.   |   |
| 5.   | <b>New Straits Time</b><br>1 Feb 2021<br>( <i>Essential</i> )     | <b>Daihatsu Malaysia sells 1,410 vehicles in 2020, exceeding sales target</b><br><br>Daihatsu (Malaysia) Sdn Bhd has exceeded its pre-pandemic sales target by 5.0 per cent with 1,410 vehicles sold in 2020. The strongest sales were recorded in the Recovery Movement Control Order (RMCO) months of July and September, spurred by its aggressive campaigns towards the e-commerce, delivery and logistics industries, which boomed during the pandemic season. | <a href="https://www.nst.com.my/business/2021/02/662086/daihatsu-malaysia-sells-1410-vehicles-2020-exceeding-sales-target">https://www.nst.com.my/business/2021/02/662086/daihatsu-malaysia-sells-1410-vehicles-2020-exceeding-sales-target</a> |
| <b>B. Subsektor Penginapan</b>                                       |   |   |   |
| 6.   | <b>Free Malaysia Today</b><br>31 Jan 2021<br>( <i>Essential</i> ) | <b>Hotels need life support, say trade group and union</b><br><br>More hotels are likely to take drastic action to cut their losses because of the effect of the second movement control order. Meanwhile, 8,000 members under a hotel union are in dire straits. Occupancy at most hotels had dipped below 20% after the second MCO was announced.   | <a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2021/01/31/hotels-need-life-support-say-trade-group-and-union/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2021/01/31/hotels-need-life-support-say-trade-group-and-union/</a> |
| <b>C. Subsektor Perkhidmatan Persendirian dan Lain-lain Aktiviti</b> |   |   |   |
| 7.   | <b>Malaysiakini</b><br>31 Jan 2021<br>( <i>Essential</i> )        | <b>The heartbreaking business of funeral parlours as COVID-19 deaths soar</b><br><br>A sudden surge in the number of COVID-19 deaths have kept the funeral parlour business brisk.  | <a href="https://m.malaysiakini.com/news/561058">https://m.malaysiakini.com/news/561058</a>   |

Penemuan penting & isu:

1. Penurunan harga runcit diesel daripada RM2.09 seliter kepada RM2.07 seliter dari tempoh 30 Januari hingga 5 Februari 2021.
2. Massimo Bread telah mengumumkan penutupan sementara operasinya disebabkan peningkatan kes COVID-19 di Klang.
3. MAA menjangkakan peningkatan jumlah keseluruhan industri (TIV) sebanyak 570,000 unit pada 2021 disebabkan oleh kaedah pinjaman sewa beli yang lebih rendah.
4. Mr DIY dijangka akan membuka sekitar 157 hingga 175 kedai di tiga format runcitnya (Mr DIY, Mr TOY dan Mr DOLLAR) sepanjang 2020 hingga 2022.
5. Daihatsu (Malaysia) Sdn. Bhd. melepasi sasaran penjualan pra-pandemik sebanyak 5.0 peratus dengan 1.410 kenderaan terjual pada tahun 2020.
6. Kadar occupancy di kebanyakan hotel turun di bawah 20% setelah PKP 2.0 dilaksanakan.
7. Perkhidmatan pengebumian meningkat ekoran kenaikan mendadak jumlah kematian COVID-19 pada Januari 2021.

Maklumbalas Bahagian:

1. Bahagian akan terus memantau industri yang terkesan sepanjang PKP 2.0 dan mengambil kira perkara tersebut di dalam penyusunan statistik prestasi ST1 2021.

**C. Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM)**

| Bil | Akhbar  | Ringkasan  | Pautan  |
|-----|---|--|---|
| 1.  | <b>The Stars</b><br>29 Jan 2021<br>( <i>Essential</i> ) | <b>Bintulu Port achieves milestone in LNG export</b><br><br>Bintulu Port Sdn Bhd (BPSB) has become the first port operator in the ASEAN region to export liquified natural gas (LNG) in ISO (International Organisation for Standardisation) tanks on a large scale. | <a href="https://www.thestar.com.my/business/business-news/2021/01/29/bintulu-port-achieves-milestone-in-lng-export">https://www.thestar.com.my/business/business-news/2021/01/29/bintulu-port-achieves-milestone-in-lng-export</a> |

|    |  |  |  |
|----|--|--|--|
|    |  | <p>The milestone was achieved when Bintulu Port completed its first LNG ISO tanks' handling operations with the maiden call of Tiger Clean Energy Ltd (TCEL)'s 169m-long vessel – Fan Zhou 6 – at Bintulu International Container Terminal (BICT) recently.</p> <p>The concept of exporting LNG through ISO tanks links both LNG plants and end-users on virtual pipelines by utilising existing facilities, such as container terminals, which are easily available globally compared to conventional LNG receiving terminals.</p>  |  |
| 2. | <p><b>TheStar</b><br/>29 Jan 2021<br/>(<i>Essential</i>)</p> | <p><b>North Butterworth container terminal to be gazetted as free trade zone starting Feb 1, says Penang Port Commission</b></p> <p>The North Butterworth Container Terminal (NBCT) will be gazetted as a free trade zone beginning Feb 1. This announcement with hopes that the ports in Penang could grow internationally and become the first choice for foreign exporters.</p> <p>The free trade zone will be divided into several more zones, including industrial zones, commercial zones and special zones.</p> <p>The free trade zone would take comprehensive measures, introduce investment incentives and give prompt treatment with one-stop centre to attract foreign exporters to expand the export,</p> | <p><a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2021/01/29/north-butterworth-container-terminal-to-be-gazetted-as-free-trade-zone-starting-feb-1-says-penang-port-commission">https://www.thestar.com.my/news/nation/2021/01/29/north-butterworth-container-terminal-to-be-gazetted-as-free-trade-zone-starting-feb-1-says-penang-port-commission</a></p> |



|    |   |  |   |
|----|---|--|---|
|    |   | production and processing trade sectors in the zone.   |   |
| 3. | <b>Bernama</b><br>30 Jan 2021<br>( <i>Non-Essential</i> ) | <p><b>Eksport ke China capai tahap baru tahun lalu, kata Azmin</b></p> <p>Eksport Malaysia ke China mencapai tahap tertinggi baru pada 2020, ketika negara menunjukkan prestasi “cukup baik” dalam perdagangan luar dengan jumlah eksport mencecah RM95.7 bilion pada Disember.</p> <p>Perkembangan sama turut dicapai dalam eksport ke Amerika Syarikat, dengan Malaysia mencatatkan nilai terbesar dalam dekad lalu.</p> <p>Produk getah, produk elektrik dan elektronik, serta produk minyak sawit dan pertanian berasaskan minyak sawit mencatatkan pengembangan eksport yang kuat.</p> <p>Prestasi eksport negara itu hasil pembukaan semula ekonomi secara berperingkat dan pemulihan permintaan luar, serta pemeteraian Perkongsian Kerjasama Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) akan memberi akses kepada syarikat Malaysia ke pasaran lebih luas.</p> | <a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2021/01/30/eksport-ke-china-capai-tahap-baru-tahun-lalu-kata-azmin/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2021/01/30/eksport-ke-china-capai-tahap-baru-tahun-lalu-kata-azmin/</a> |
| 4. | <b>The Star</b><br>31 Jan 2021<br>( <i>Essential</i> )    | <p><b>MITI: Malaysia's external trade to remain modest in 2021, exports to rebound by 2.7%</b></p> <p>Malaysia's external trade for 2021 is expected to remain modest with exports projected to rebound by 2.7 per cent.</p>   | <a href="https://www.thestar.com.my/aseanplus/aseanplus-news/2021/01/31/miti-malaysia039s-external-trade-to-remain-modest-in-">https://www.thestar.com.my/aseanplus/aseanplus-news/2021/01/31/miti-malaysia039s-external-trade-to-remain-modest-in-</a>                     |

|  |  |   |  |
|--|--|---|--|
|  |  | <p>The outlook for 2021 is expected to be better as the World Bank and International Monetary Fund (IMF) forecast that global growth will rebound by 4.0 per cent and 5.5 per cent.</p> <p>Higher demand for semi conductors and commodity-based products is anticipated to drive exports as global economic activities recover. The trade surplus recorded in 2020 marked the fourth consecutive year of double-digit growth, with an expansion of 26.9 per cent to RM184.79 billion compared to 2019.</p> | <p><a href="#">2021-exports-to-rebound-by-27</a></p> |
|--|--|---|--|

Penemuan penting & isu:

1. Bintulu Port Sdn Bhd (BPSB) telah menjadi operator pelabuhan pertama di rantau Asean yang mengeksport gas asli cair (LNG) dalam tangki ISO (*International Organisation for Standardisation*) dalam skala besar. Pencapaian itu dicapai ketika Pelabuhan Bintulu menyelesaikan operasi pengendalian tangki LNG ISO pertamanya dengan panggilan perdana kapal Tiger Clean Energy Ltd (TCEL) sepanjang 169 m - Fan Zhou 6 - di Terminal Kontena Antarabangsa Bintulu (BICT) baru-baru ini.
2. Terminal Kontena Butterworth Utara (NBCT) akan diwartakan sebagai zon perdagangan bebas mulai 1 Februari. Zon perdagangan bebas akan dibahagikan kepada beberapa zon lagi, termasuk zon industri, zon komersial dan zon khas. Zon perdagangan bebas akan mengambil langkah-langkah komprehensif, memperkenalkan insentif pelaburan, dan memberikan layanan segera dengan pusat sehenti untuk menarik pengeksport asing untuk memperluas sektor perdagangan eksport, pengeluaran dan pemrosesan di zon tersebut.
3. Eksport Malaysia ke China mencapai tahap tertinggi baru pada 2020, ketika negara menunjukkan prestasi "cukup baik" dalam perdagangan luar dengan jumlah eksport mencecah RM95.7 bilion pada Disember. Produk getah, produk elektrik dan elektronik, serta produk minyak sawit dan pertanian berasaskan minyak sawit mencatatkan pengembangan eksport yang kuat. Prestasi eksport negara itu hasil pembukaan semula ekonomi secara

berperingkat dan pemulihan permintaan luar, serta pemeteraian Perkongsian Kerjasama Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) akan memberi akses kepada syarikat Malaysia ke pasaran lebih luas.

4. Perdagangan luar Malaysia untuk tahun 2021 dijangka tetap sederhana dengan eksport yang dijangka melonjak 2.7 peratus. Permintaan yang lebih tinggi untuk semikonduktor dan produk berasaskan komoditi dijangka mendorong eksport disamping aktiviti ekonomi global pulih. Tahun 2021 dijangka akan lebih baik kerana *World Bank* dan *International Monetary Fund (IMF)* meramalkan pertumbuhan global akan pulih sebanyak 4.0 peratus dan 5.5 peratus.

#### Maklumbalas Bahagian:

1. Nilai eksport di Pelabuhan Bintulu bagi tahun 2020 bernilai RM52,934 juta dan mencatatkan penurunan sebanyak RM14,011 juta atau 20.9 peratus. Nilai eksport gas cecair asli bernilai RM28,835 juta bagi tempoh yang sama dan mencatatkan penurunan sebanyak RM13,650 juta atau 32.1 peratus. Volum gas cecair asli yang dieksport adalah sebanyak 24,458 ribu tan metrik, berkurang sebanyak 1,040 ribu tan metrik atau 4.1 peratus berbanding 25,498 ribu tan metrik pada tahun sebelumnya.
2. Bagi tahun 2020, Terminal Kargo Butterworth Utara merekodkan nilai eksport sebanyak RM50,482 juta dan mencatatkan penurunan sebanyak RM4,197 juta atau 7.7 peratus. Nilai import juga turut mencatatkan penurunan dari RM 38,593 juta pada tahun 2019 kepada RM38,002 juta. Nilai import mencatatkan penurunan sebanyak RM590 juta atau 1.5 peratus.
3. China merupakan rakan dagang utama negara sejak 2009. Nilai eksport ke negara China bagi tahun 2020 bernilai RM158,596 juta dan mencatatkan peningkatan sebanyak RM17,665 juta atau 12.5 peratus. Manakala, nilai import dari negara China bagi tempoh yang sama bernilai RM171,177 juta dan mencatatkan penurunan sebanyak RM4,490 juta atau 2.6 peratus. Pertumbuhan eskport yang positif ke negara China disokong oleh peningkatan eksport barang iaitu sebanyak RM1,700 juta.
4. Eksport Malaysia meningkat 10.8 peratus tahun ke tahun pada Disember 2020, manakala import meningkat sebanyak 1.6 peratus tahun ke tahun. Barangan dari seksyen jentera dan kelengkapan pengangkutan memegang peratusan terbesar sebanyak 43.6 peratus dari keseluruhan jumlah eksport barangan diikuti oleh pelbagai barang keluaran kilang (15.6 peratus) dan bahan api galian, pelincir dan lain-lain (10.3 peratus).

5. BPPA akan terus memantau dan mengkaji trend import dan eksport bagi produk yang berkaitan ketika penularan wabak COVID-19.

**D. Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM)**

| Bil | Akhbar   | Ringkasan  | Pautan  |
|-----|--|--|---|
| 1.  | <b>The Edge Markets</b><br>1 Feb 2021<br>(essential) | <b>Compulsory COVID-19 screening tests for foreign construction, factory workers throughout country</b><br><br>All employers in both sectors throughout the country have been instructed to conduct COVID-19 screening tests on their foreign workers beginning today. | <a href="https://www.theedge.com/article/compulsory-covid19-screening-tests-foreign-construction-factory-workers-throughout-country">https://www.theedge.com/article/compulsory-covid19-screening-tests-foreign-construction-factory-workers-throughout-country</a> |
| 2.  | <b>Astro Awani</b><br>1 Feb 2021<br>(essential)      | <b>Kerajaan tak tutup ekonomi sepenuhnya, tumpu sektor kilang dan pembinaan</b><br><br>Kerajaan menegaskan tidak akan menutup ekonomi sepenuhnya dalam usaha mengimbangi kehidupan rakyat ketika mengekang penularan COVID-19.   | <a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kerajaan-tak-tutup-ekonomi-sepenuhnya-tumpu-sektor-kilang-dan-pembinaan-280737">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kerajaan-tak-tutup-ekonomi-sepenuhnya-tumpu-sektor-kilang-dan-pembinaan-280737</a>   |

**Penemuan penting & isu:**

1. Semua majikan di sektor pembinaan dan perkilangan di seluruh negara telah diarahkan untuk melakukan ujian saringan COVID-19 ke atas pekerja asing mereka mulai hari ini. Sebelum ini, hanya pekerja asing bagi dua sektor di enam negeri sahaja yang diwajibkan menjalani ujian saringan.
2. Kerajaan tidak akan menutup ekonomi sepenuhnya dan tumpuan akan diberikan kepada sektor perkilangan dan pembinaan bagi membendung penularan ke COVID-19 di kedua-dua sektor.

**Maklumbalas Bahagian:**

1. Bahagian mengambil maklum bahawa peningkatan kes COVID-19 disumbangkan sektor pembinaan dan perkilangan dan ujian saringan ke atas pekerja asing di seluruh Negara telah diwajibkan bermula 1 Feb 2021.

| <b>E. Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM)</b> |   |   |   |
|--|---|---|---|
| <b>Bil</b>   | <b>Akhbar</b>   | <b>Ringkasan</b>  | <b>Pautan</b>   |
| 1.   | <b>Edge Property</b><br>30 Jan 2021<br>( <i>Non-Essential</i> )       | <p><b>A vaccine visa to allow travel between countries</b></p> <p>Malaysia is already “working on” a vaccine visa that will allow vaccinated people to skip the mandatory quarantine when crossing borders. A vaccine visa or health passport is designed to help nations be sure that all travellers are safe and do not pose a risk of causing the spread of COVID-19. Designed to work while the governments are still enforcing travel restrictions and quarantine policies, the health passport can be the first step to ensuring the safe reopening of international travel. The decisions on the implementation of a health passport are being made at the government level” and it is “a developing situation”.</p> | <a href="https://www.edgeprop.my/content/1794742/vaccine-visa-allow-travel-between-countries">https://www.edgeprop.my/content/1794742/vaccine-visa-allow-travel-between-countries</a>   |
| 2.   | <b>Free Malaysia Today</b><br>30 Jan 2021<br>( <i>Non-Essential</i> ) | <p><b>Singapore suspends Reciprocal Green Lane arrangement with Malaysia</b></p> <p>Singapore has suspended its Reciprocal Green Lane (RGL) travel arrangements with several countries including Malaysia after a surge in COVID-19 cases. Singapore’s foreign affairs ministry said the RGL with Malaysia, Germany and South Korea would be suspended for three months from Feb 1. The government of Singapore will review the RGL arrangements at the end of the suspension period. Travellers who have already been</p>  | <a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2021/01/30/singapore-suspends-reciprocal-green-lane-with-malaysia-from-feb-1/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2021/01/30/singapore-suspends-reciprocal-green-lane-with-malaysia-from-feb-1/</a> |

|    |   |  |   |
|----|---|--|---|
|    |   | approved to enter Singapore under these RGLs can continue to do so.  |   |
| 3. | <b>Malaysiagazette</b><br>30 Jan 2021<br>( <i>Non-Essential</i> ) | <p><b>Impak pemulihan COVID-19 tidak sama, pelabur digalakkan kekal portfolio terpelbagai</b></p> <p>Pelabur harus bersikap memilih terhadap ekuiti Malaysia kerana impak dan pemulihan COVID-19 dijangka tidak sama untuk sektor yang berlainan. Risiko utama adalah sekiranya syarikat terus ditutup akibat pandemik, ini akan membawa kepada kemerosotan ekonomi global disebabkan oleh pengangguran yang meningkat dan permintaan yang menyusut. Pemulihan mungkin terjejas jika kerajaan tidak lagi mampu menyuntik rangsangan ke dalam ekonomi dan membendung virus. Selain melabur secara berkala dalam jangka masa yang lebih lama, pelabur digalakkan untuk mengekalkan portfolio terpelbagai yang baik dengan memilih aset yang berkualiti dan menghasilkan pendapatan untuk membantu mengoptimumkan pulangan pelaburan mereka. Di samping itu, pelabur mungkin ingin mempertimbangkan bon bergred pelaburan Asia kerana ia menawarkan keseimbangan yang lebih wajar antara sifat defensif dan hasil yang baik (2.0 hingga 2.5 peratus), berbanding Indeks Agregat Global Bloomberg Barclays (0.9 peratus). Bon ini juga akan meraih manfaat daripada bermulanya aktiviti ekonomi di rantau ini semasa pandemik.</p> | <a href="https://malaysiagazette.com/2021/01/31/impak-pemulihan-covid-19-tidak-sama-pelabur-digalakkan-kekal-portfolio-terpelbagai/">https://malaysiagazette.com/2021/01/31/impak-pemulihan-covid-19-tidak-sama-pelabur-digalakkan-kekal-portfolio-terpelbagai/</a> |

#### Penemuan penting & isu:

1. Malaysia sedang mengusahakan visa vaksin yang akan membolehkan individu yang divaksinkan agar tidak perlu untuk menjalani sesi kuarantin wajib apabila merentasi sempadan. Visa ini dirancang bagi membantu dalam memastikan para pelancong selamat dan tidak menimbulkan risiko penyebaran COVID-19.
2. Singapura telah menggantung perjanjian perjalanan Laluan Hijau Timbal Balik (RGL) dengan beberapa negara termasuk Malaysia berikutan peningkatan kes COVID-19. Larangan tersebut meliputi Malaysia, Jerman dan Korea Selatan selama tiga bulan bermula 1 Februari. Kerajaan Singapura akan mengkaji semula kebenaran RGL itu selepas tamat tempoh penggantungan tersebut.
3. Pelabur disarankan untuk mempelbagai propek pelaburan yang akan dijalankan. Beberapa risiko harus diambil kira oleh pelabur masa kini terutamanya penutupan berterusan syarikat semasa pandemik yang merosotkan perkembangan ekonomi. Pelabur juga disarankan mengekalkan portfolio pelbagai bagi mengoptimum pulangan pelaburan. Tambahan pula, bon bergred pelaburan Asia boleh diintai oleh pelabur kerana menawarkan keseimbangan bersifat defensive dan hasil yang baik (2.0 hingga 2.5 peratus) berbanding Agregat Global Bloomberg Barclays (0.9 peratus).

#### Maklumbalas Bahagian:

1. Usaha Malaysia mewujudkan visa vaksin kepada pelancong dan penggantung perjanjian RGL oleh negara Singapura dengan beberapa negara termasuk Malaysia akan memberi kesan kepada penyusunan statistik Akaun Semasa terutamanya bagi komponen Perjalanan. Pada suku ketiga 2020, eksport komponen ini mencatatkan RM124 juta manakala nilai import berjumlah RM3.6 bilion.
2. Saranan kepelbagaian pelaburan dan pulangan hasil yang baik dalam bon bergred pelaburan Asia akan memberi impak kepada penyusunan Statistik Imbangan Pembayaran terutamanya pada Akaun Kewangan dan Akaun Semasa khususnya komponen Pendapatan primer. Pada suku tahun ketiga 2020, Akaun Kewangan merekodkan aliran keluar bersih RM35.2 bilion. Sementara itu, komponen Pendapatan primer dalam Akaun Semasa mencatatkan aliran keluar bersih sebanyak RM9.2 billion berbanding aliran keluar bersih sebanyak RM3.95 billion pada suku sebelumnya.

| F. Bahagian Petunjuk Ekonomi (DOSM) |   |  |   |
|-------------------------------------|---|--|---|
| Bil                                 | Akhbar  | Ringkasan  | Pautan  |
| 1.                                  | <b>Bernama</b><br>29 Jan 2021<br>( <i>Essential</i> )       | <p><b>MDEC beri geran RM2.35 juta kepada PKS, syarikat pemula niaga</b></p> <p>Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) telah mengagihkan geran bernilai RM2.35 juta yang akan memanfaatkan 47 penerima terdiri daripada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) serta syarikat pemula niaga.</p> <p>Sebanyak 70 peratus penerima terdiri daripada syarikat industri kandungan kreatif digital manakala selebihnya melibatkan perkhidmatan profesional (21%), pendidikan (7%) dan industri lain sebanyak 2 peratus.</p> <p>Penyaluran geran ini dilaksanakan di bawah inisiatif yang diumumkan menerusi Geran Kreatif Digital 2020 (Belanjawan 2020) dan Geran Kandungan Digital PENJANA.</p> | <a href="https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1926952">https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1926952</a>   |
| 2.                                  | <b>Berita Harian</b><br>29 Jan 2021<br>( <i>Essential</i> ) | <p><b>COVID-19: Sektor pelancongan, hotel terus suram</b></p> <p>Kadar penginapan bagi Januari 2021 merosot ketara sehingga 20 peratus sejurus pengumuman mengenai pelaksanaan PKP 2.0 manakala pembatalan tempahan turut direkodkan di seluruh negara, termasuk bagi sambutan Tahun Baru Cina.</p>  | <a href="https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/01/781138/covid-19-sektor-pelancongan-hotel-terus-suram">https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/01/781138/covid-19-sektor-pelancongan-hotel-terus-suram</a> |



|    |  |  |  |
|----|--|--|--|
|    |  | <p>Lebih 12,000 orang pekerja telah diberhentikan manakala yang lain sama ada dipotong gaji atau diminta bercuti tanpa gaji.</p> <p>Bagi setiap dua minggu pelaksanaan PKP 2.0, industri hotel dijangka mengalami kerugian hasil lebih RM300 juta. Purata kadar penginapan bagi tahun 2020 adalah sebanyak 27.51 peratus dan purata kadar harian sebanyak RM196.69. Industri mengalami kerugian pendapatan sebanyak RM6.53 bilion.</p> <p>Pada Mac dan April 2020, kadar penginapan mencatatkan masing-masing sebanyak 8.86 peratus dan 9.63 peratus, dengan kerugian dicatatkan sebanyak RM767.85 juta dan RM579.88 juta.</p> |  |
| 3. | <p><b>Bernama</b><br/>30 Jan 2021<br/>(<i>Essential</i>)</p> | <p><b>TM alami peningkatan trafik internet sebanyak 15 peratus semasa PKP 2.0</b></p> <p>Telekom Malaysia (TM) mencatatkan peningkatan penggunaan trafik internet keseluruhan sebanyak 15 peratus sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kedua bermula 13 Jan 2021 berbanding semasa PKP pertama pada Mac 2020.</p> <p>Susulan penguatkuasaan PKP 2.0 kebanyakan rakyat Malaysia bergantung kepada kesambungan internet untuk komunikasi dalam talian agar</p>  | <p><a href="https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1927088">https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1927088</a></p> |

|    |  |   |  |
|----|--|---|--|
|    |  | <p>kekal terhubung dan produktif semasa bekerja dan belajar di rumah, sekali gus mendorong lonjakan penggunaan data yang tidak dapat dielakkan.</p> <p>TM menyediakan fleksibiliti lebih besar melalui penawaran pelan 'unifi Your World', yang disesuaikan untuk memenuhi keperluan kandungan televisyen, mudah alih dan internet.</p>   |  |
| 4. | <p><b>Astro Awani</b><br/>30 Jan 2021<br/>(<i>Essential</i>)</p> | <p><b>Proton sasar ganda jualan eksport dalam tempoh 12 bulan</b></p> <p>Proton Holdings Bhd menyasar untuk mengandakan jualan eksportnya dalam tempoh 12 bulan dengan mengandakan aktiviti eksport tidak terjejas oleh sekatan untuk mengawal pandemik COVID-19 di seluruh dunia.</p> <p>Menurut syarikat tersebut sasaran ditetapkan selepas aktiviti besar-besaran pada Disember 2020, termasuk operasi pemasangan tempatan di Kenya dan pelancaran Proton X70 di Pakistan yang menyumbang pertumbuhan jualan eksport sebanyak 50 peratus berbanding jualan tempatan hanya sebanyak 8.8 peratus.</p> | <p><a href="https://www.astroawani.com/berita-bisnes/proton-sasar-ganda-jualan-eksport-dalam-tempoh-12-bulan-280403">https://www.astroawani.com/berita-bisnes/proton-sasar-ganda-jualan-eksport-dalam-tempoh-12-bulan-280403</a></p> |

|    |   |   |   |
|----|---|---|---|
| 5. | <b>Bernama</b><br>30 Jan 2021<br><i>(Essential)</i> | <b>Sektor perhutanan, perkayuan dibenar beroperasi, bantu pertumbuhan ekonomi negara</b><br><br>Keputusan Kerajaan membenarkan sektor Perhutanan dan perkayuan serta rantai melibatkan pembalakan beroperasi seperti biasa berkuat kuasa hari ini, membolehkan sektor membantu menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara walaupun semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).<br><br>Langkah berkenaan melegakan industri perkayuan terutamanya subsektor perabot yang secara tidak langsung memberi manfaat kepada mangsa banjir untuk mendapatkan bekalan perabot yang sebelum ini musnah akibat bencana itu.<br><br>Subsektor perabot dianggar menggunakan 85 peratus bahan mentah tempatan untuk menghasilkan perabot. | <a href="https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1927074">https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1927074</a> |
|----|---|---|---|

Penemuan penting & isu:

1. Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) telah mengagihkan geran bernilai RM2.35 juta yang akan memanfaatkan 47 penerima terdiri daripada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) serta syarikat pemula niaga. Inisiatif ini memberi ruang kepada PKS dan syarikat pemula niaga untuk berkembang pada era Revolusi Perindustrian 4.0 (IR4.0) dengan memperkasakan bakat digital, membolehkan perniagaan diperkasakan secara digital dan menarik pelaburan sektor digital.
2. Kadar penginapan bagi Januari 2021 merosot ketara sehingga 20 peratus sejeurus pengumuman mengenai pelaksanaan PKP 2.0 manakala pembatalan

tempoh turut direkodkan di seluruh negara, termasuk bagi tempoh sambutan Tahun Baru Cina. Bagi tahun 2020, industri perhotelan mengalami kerugian pendapatan sebanyak RM6.53 bilion. Manakala bagi setiap dua minggu pelaksanaan PKP 2.0, industri hotel dijangka mengalami kerugian hasil lebih RM300 juta.

3. Telekom Malaysia (TM) mencatatkan peningkatan penggunaan trafik Internet sebanyak 15 peratus sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kedua dilaksanakan pada 13 Januari 2021 berbanding semasa PKP pertama pada Mac 2020. TM juga telah bekerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) bagi menyediakan perkhidmatan jalur lebar percuma di kawasan Program Perumahan Rakyat (PPR) terpilih untuk calon SPM dan STPM 2021. Selain itu, pelbagai pakej yang ditawarkan antaranya menawarkan pas data LTE 15GB pada harga RM20 sehingga 30 April, 2021 serta memperluas data Internet 1GB tambahan percuma setiap hari bagi tempoh yang sama.
4. Proton Holdings Bhd menyasar untuk menggandakan jualan eksport dalam tempoh 12 bulan dengan mengandaikan aktiviti eksport tidak terjejas. Pada bulan Disember 2020, operasi pemasangan tempatan di Kenya dan pelancaran Proton X70 di Pakistan menyumbang pertumbuhan jualan eksport sebanyak 50 peratus berbanding jualan tempatan sebanyak 8.8 peratus. Antara model yang menerajui pertambahan jualan adalah Proton Saga, Proton X70 dan Proton X50 yang akan diperkenalkan ke pasaran antarabangsa secara berperingkat.
5. Sektor perhutanan, perkayuan serta rantai melibatkan pembalakan dibenar beroperasi. Ini dapat membantu pertumbuhan ekonomi negara walaupun semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Antara sektor rantai adalah sektor perabot dianggar menggunakan 85 peratus bahan mentah tempatan untuk menghasilkan perabot, secara tidak langsung memberi manfaat kepada mangsa banjir untuk mendapatkan bekalan perabot yang sebelum ini musnah.

#### Maklumbalas Bahagian:

1. Pengagihan geran oleh MDEC kepada PKS sebanyak RM2.35 juta yang memberi manfaat kepada 47 penerima Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) serta syarikat pemula niaga merupakan langkah untuk meningkatkan kemampuan PKS seterusnya memberi peluang bagi pemerksaan perniagaan digital. Di samping itu mempercepatkan penggunaan digital terutamanya bagi syarikat yang baru memulakan perniagaan atas talian secara tidak langsung menyokong ekosistem digital.

2. Sektor pelancongan dijangka mengalami pemulihan yang lebih perlahan berbanding sektor lain ekoran sekatan perjalanan dan penutupan sempadan antarabangsa bagi negara yang berkaitan. Bagi tahun 2020, industri perhotelan mengalami kerugian pendapatan sebanyak RM6.53 bilion. Situasi ini turut memberi kesan kepada industri restoran dan hospitaliti. Justeru itu, pelaksanaan vaksinasi yang berkesan dijangka dapat mengekang penularan virus, seterusnya mendorong aktiviti perjalanan kembali normal. Pada 2019, sektor pelancongan menyumbang 15.9 peratus kepada KDNK.
3. Penggunaan trafik internet meningkat sebanyak 15 peratus, impak daripada pembudayaan norma baharu dalam pembelajaran dan pekerjaan di rumah dengan kebergantungan kepada jalur internet. Ini bertujuan untuk komunikasi dalam talian agar perkhidmatan awam, swasta dan pendidikan kekal terhubung dan produktif semasa bekerja dan belajar di rumah. Sektor Maklumat dan komunikasi menyumbang sebanyak 6.3 peratus kepada KDNK pada suku ketiga 2020.
4. Pengoperasian sektor Perhutanan dan pembalakan dijangka dapat menggerakkan sektor tersebut serta menyokong rantai industri yang terlibat terutamanya subsektor perabot yang menggunakan 85 peratus bahan mentah tempatan untuk menghasilkan perabot. Pada suku ke tiga 2020, Sektor Perhutanan dan pembalakan merekodkan penurunan sebanyak 16.2 peratus dari suku tahun yang sama tahun sebelumnya.

**G. Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan (DOSM)**

| Bil | Akhbar  | Ringkasan  | Pautan  |
|-----|---|--|---|
| 1.  | <b>Berita Harian</b><br>28 Jan 2021<br>( <i>Essential</i> ) | <b>Harga emas catat permulaan terburuk dalam sedekad</b><br><br>Harga emas menjunam selepas Rizab Persekutuan (Fed) mengekalkan penanda aras kadar faedah dan paras pembelian bon                                      | <a href="https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/01/780694/harga-emas-catat-permulaan-terburuk-dalam-sedekad">https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/01/780694/harga-emas-catat-permulaan-terburuk-dalam-sedekad</a> |
| 2.  | <b>MyMetro</b><br>29 Jan 2021<br>( <i>Essential</i> )       | <b>25,000 warga Wilayah Persekutuan terima beras percuma</b><br><br>Program MyBeras@Wilayah adalah inisiatif tambahan program MyFood@Wilayah yang diletakkan di bawah cakna kemiskinan selaras dasar Wilayah Prihatin. | <a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/01/669314/25000-warga-wilayah-persekutuan-terima-beras-percuma">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/01/669314/25000-warga-wilayah-persekutuan-terima-beras-percuma</a>             |

|    |  |  |  |
|----|--|--|--|
|    |  | <p>la bertujuan meringankan beban warga Wilayah Persekutuan terdiri daripada golongan miskin bandar atau B40 yang terjejas pendapatannya akibat Covid-19.</p>  |  |
| 3. | <p><b>MyMetro</b><br/>31 Jan 2021<br/>(<i>Essential</i>)</p> | <p><b>PM lancar 5MY Wilayah Persekutuan</b></p> <p>Perdana Menteri melancarkan Program Kemiskinan Bandar (5MY) Wilayah Persekutuan sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2021.</p> <p>Program 5MY ini meliputi aspek pekerjaan dinamakan sebagai MYJob@Wilayah, persekolahan (MYSchoolBus@Wilayah), barangan keperluan asas (MYGrocer@Wilayah), makanan (MYFood@Wilayah) dan perubatan (MYMedic@Wilayah).</p> <p>MyJob@Wilayah, menyediakan sehingga 3,259 pekerjaan di ibu kota iaitu 28 peratus lebih tinggi daripada sasaran asal.</p> <p>Inisiatif MySchoolBus@Wilayah memberi bantuan kepada seramai 9,704 murid di 67 kawasan perumahan awam kos rendah membabitkan 94 orang pengendali bas sekolah.</p> <p>MYMedic@Wilayah memberi perkhidmatan klinik bergerak yang menyediakan perkhidmatan rawatan kesihatan asas secara percuma kepada warga kota yang kurang berkemampuan di kawasan perumahan kos rendah di Kuala Lumpur.</p> | <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/01/669942/pm-lancar-5my-wilayah-persekutuan">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/01/669942/pm-lancar-5my-wilayah-persekutuan</a></p> |

|  |  |  |  |
|--|--|--|--|
|  |  | <p>MYGrocer@Wilayah inisiatif yang berkonsepkan pasar bergerak ke kawasan perumahan kos rendah melalui perjualan barang basar dan keperluan harian pada harga lima peratus hingga 20 peratus lebih murah daripada harga di pasar awam.</p> <p>MYFood@Wilayah berkonsepkan bantuan bakul makanan yang berisi keperluan harian kepada golongan miskin bandar dan kini memanfaatkan seramai 32,000 ketua isi rumah.</p> |  |
|--|--|--|--|

**Penemuan penting & isu:**

1. Harga logam berharga susut lebih tiga peratus tahun ini, prestasi Januari terburuknya sejak 2011, apabila pelabur mempertimbangkan pengukuhkan dolar, prospek lebih banyak program rangsangan serta trajektori pandemik COVID-19. Harga spot emas susut 0.4 peratus kepada AS\$1,837.29 di Singapura hari ini selepas turut berakhir 0.4 peratus lebih rendah pada Rabu. Harga perak dan platinum juga merosot, manakala palladium kekal.
2. Program 5MY adalah usaha menangani kos sara hidup rakyat, kelangsungan hidup rakyat serta membasmi kemiskinan bandar di Wilayah Persekutuan. Program MyBeras@Wilayah adalah salah satu inisiatif yang bertujuan meringankan beban warga Wilayah Persekutuan yang terdiri daripada golongan miskin bandar atau B40 yang terjejas pendapatan akibat pandemik COVID-19.
3. Usaha kerajaan untuk membantu meringankan kos sara hidup rakyat dan menyediakan jaringan keselamatan sosial komprehensif untuk memastikan kebajikan golongan *vulnerable* dan berpendapatan rendah terjaga.

**Maklumbalas Bahagian:**

1. Kejatuhan harga emas akan memberi tekanan kepada IHP bagi subkumpulan Barang Peribadi (Barang kemas, cincin & batu berharga).
2. Bahagian telah mengeluarkan statistik bilangan isi rumah mengikut kumpulan isi rumah (B40, M40 dan T20) dan bilangan isi rumah miskin bagi ketiga-tiga Wilayah Persekutuan dan akan mengeluarkan infografik yang berkaitan.

| <b>H. Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi (DOSM)</b>  |   |   |   |
|--|---|---|---|
| <b>Bil</b>   | <b>Akhbar</b>   | <b>Ringkasan</b>  | <b>Pautan</b>   |
| 1.   | <b>Harian Metro</b><br>1 Feb 2021<br>( <i>Non-essential</i> ) | <b>4,214 kes baharu Covid-19, 10 kematian</b><br><br>Selangor kekal melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu sebanyak 1,362 kes diikuti Johor (1,068 kes) dan Kuala Lumpur (702 kes). Terdapat 10 kes kematian dilaporkan.            | <a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/02/670236/4214-kes-baharu-covid-19-10-kematian">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/02/670236/4214-kes-baharu-covid-19-10-kematian</a> |
| 2.   | <b>Malaysiakini</b><br>1 Feb 2021<br>( <i>Essential</i> )     | <b>NUJ minta kerajaan rangka program khas bantu petugas media</b><br><br>Lebih 3,000 kakitangan dalam industri media diberhentikan secara berperingkat sejak 2019 disebabkan oleh faktor kelembapan industri dan kesan pandemik COVID-19. | <a href="https://www.malaysiakini.com/news/561253">https://www.malaysiakini.com/news/561253</a>   |
| <p>Penemuan penting &amp; isu:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Sebanyak 115 kes dilaporkan adalah berkaitan kluster di penjara dan depot tahanan imigresen membabitkan Kluster Tembok Taiping (81 kes), Kluster Tembok Renggam (25 kes), Kluster Tembok Mempaga (7 kes), Kluster Tembok Sungai Udang (1 kes) dan Kluster Tembok Kemus (1 kes). Terdapat 316 kes positif Covid-19 dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan 137 kes memerlukan bantuan pernafasan. Sebanyak 4,280 kes dilaporkan pulih hari ini menjadikan jumlah kumulatif kes pulih sepenuhnya adalah 170,329 kes atau 77.7 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.</li> <li>Kesatuan Kebangsaan Wartawan Semenanjung Malaysia (NUJM) berharap kerajaan dapat merangka program khas bagi membantu dan meringankan beban yang dihadapi petugas media serta bekas kakitangan industri ini. Ini kerana sebahagian besar bekas kakitangan media berdepan nasib malang apabila ada sebahagian mereka diberhentikan kerja sejak tahun 2019 lagi.</li> </ol> |   |   |   |
| <p>Maklumbalas Bahagian:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Kematian disebabkan COVID-19 meningkat kepada 770 kematian. Kematian tersebut akan menyumbang kepada Penerbitan Perangkaan Sebab Kematian yang dikeluarkan oleh Jabatan.</li> <li>Maklumat pekerjaan merupakan salah satu soalan Banci.</li> </ol>   |   |   |   |



| <b>I. Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial (DOSM)</b>   |   |  |   |
|--|---|--|---|
| <b>Bil</b>   | <b>Akhbar</b>   | <b>Ringkasan</b>   | <b>Pautan</b>   |
| 1.   | <b>Berita Harian</b><br>29 Jan 2021<br>( <i>Non-essential</i> ) | <b>Aplikasi KPM eTextbook Reader ditambahbaik</b><br><br>Aplikasi KPM eTextbook yang diperkenalkan oleh Perbadanan Kota Buku, agensi Kementerian Pendidikan (KPM) telah membuat penambahan buku teks digital Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) bagi Sekolah Rendah Kebangsaan (SRK), Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) Cina dan Tamil.<br><br>Aplikasi tersebut diperkenalkan untuk memudahkan pelajar memuat turun buku teks digital melalui penyediaan piawaian fail EPUB (pendek untuk penerbitan elektronik) yang lebih ringan dan serasi dengan peranti mudah alih jika dibandingkan dengan fail PDF (format dokumen mudah alih). | <a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1926836">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1926836</a>           |
| <p>Penemuan penting &amp; isu:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Perbadanan Kota Buku, agensi Kementerian Pendidikan (KPM), telah membuat penambahan buku teks digital Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) bagi Sekolah Rendah Kebangsaan (SRK), Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) Cina dan Tamil dalam aplikasi KPM eTextbook Reader.</li> </ol> |   |  |   |
| <p>Maklumbalas Bahagian:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Aplikasi KPM eTextbook memudahkan pelajar memuat turun buku teks. Merujuk kepada MyLocal Stats 2019, bilangan murid sekolah rendah kerajaan pada 2019 adalah seramai 2,729.5 ribu orang.</li> </ol>  |   |  |   |
| <b>J. Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar (DOSM)</b>  |   |  |   |
| <b>Bil</b>   | <b>Akhbar</b>   | <b>Ringkasan</b>   | <b>Pautan</b>   |
| 1.   | <b>Bernamea</b><br>29 Jan 2021<br>( <i>Essential</i> )          | <b>Sektor minyak sawit komited terus kongsi saranan bendung COVID-19</b><br><br>Persatuan perladangan Malaysia yang terbabit dalam keseluruhan rantaian bekalan minyak sawit   | <a href="https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1926683">https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1926683</a> |

|    |   |  |   |
|----|---|--|---|
|    |   | komited untuk terus berkongsi saranan paling praktikal berkaitan dengan penggubal dasar serta pihak berkuasa demi membendung impak penularan COVID-19 membabitkan industri kelapa sawit.   |   |
| 2. | <b>Bernama</b><br>29 Jan 2021<br>( <i>Essential</i> ) | <b>LPNM sumbang lima tan buah nanas kepada mangsa banjir, barisan hadapan</b><br><br>Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) menyumbang sebanyak lima tan buah nanas pada bulan ini ketika negara dilanda musibah banjir yang melanda beberapa negeri serta pandemik COVID-19. | <a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1926919">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1926919</a> |

Penemuan penting & isu:

1. Persatuan perladangan Malaysia yang terbabit dalam keseluruhan rantai bekalan minyak sawit komited untuk terus berkongsi saranan paling praktikal berkaitan sektor kelapa sawit dengan penggubal dasar serta pihak berkuasa demi membendung impak penularan COVID-19 membabitkan industri kelapa sawit. Persatuan Minyak Sawit Malaysia, Persatuan Pemilik Ladang Malaysia, Persatuan Kebangsaan Pekebun Kecil Malaysia, Persatuan Pengeluar-Pengeluar Pertanian Tanah Melayu dan Gabungan Persatuan-Persatuan Pengilang Kelapa Sawit Malaysia menyatakan kesemua rantai bekalan sektor kelapa sawit perlu dibenarkan untuk terus beroperasi dengan pematuhan SOP, sekali gus mengekalkan sumbangannya terhadap ekonomi negara serta memberi impak sosioekonomi bagi industri serta beratus-ratus pekebun kecil.
2. LPNM menyumbang sebanyak lima tan buah nanas pada bulan ini ketika negara dilanda musibah banjir yang melanda beberapa negeri serta pandemik COVID-19. Sumbangan ini diberikan untuk mangsa-mangsa banjir di Lipis, Maran dan Jerantut, Pahang serta kepada barisan hadapan negara iaitu Jabatan Kesihatan, Polis Diraja Malaysia serta Jabatan Penjara di Johor Bahru. Sumbangan buah nanas ini juga merupakan satu bentuk promosi kepada masyarakat untuk mengamalkan pemakanan nanas setiap hari yang mempunyai kandungan vitamin C yang tinggi, vitamin B6, Folate, Thiamin, Potassium serta enzim bromelin yang dapat memanfaatkan tubuh badan manusia.

Maklumbalas Bahagian:

1. Berdasarkan laporan Keluaran Dalam Negeri Kasar suku ketiga 2020, sektor pertanian merosot 0.7 peratus berbanding 1.0 peratus pada suku kedua 2020 yang disebabkan oleh penurunan dalam kedua-dua subsektor iaitu Perikanan (-10.6%) dan Getah (-24.0%). Walau bagaimanapun, subsektor kelapa sawit bertumbuh sederhana kepada 2.6 peratus. Namun seperti yang ditegaskan oleh persatuan-persatuan tersebut, sebarang tindakan pengurangan tenaga kerja samada di peringkat operasi ladang dan kilang, hanya akan menjejaskan kapasiti pengeluaran secara ketara yang boleh merugikan kerajaan dan memberi kesan kepada ekonomi negara.

| <b>K. Malaysian Bureau of Labour Statistics (DOSM)</b> |   |  |   |
|--|---|--|---|
| <b>Bil</b>   | <b>Akhbar</b>   | <b>Ringkasan</b>   | <b>Pautan</b>   |
| 1.   | <b>New Straits Times</b><br>29 Jan 2021<br>( <i>Essential</i> ) | <b>MCO: Pasar malam nationwide given green light to resume operations</b><br><br>Pasar malam traders nationwide are expected to resume business as early as today with exception to traders selling clothes.<br><br>An update on standard operating procedures (SOP) posted on the National Security Council's (NSC) Telegram feed last night listed night markets as among businesses allowed to operate in areas under the MCO from 4pm to 10pm. | <a href="https://www.nst.com.my/news/nation/2021/01/661465/mco-pasar-malam-nationwide-given-green-light-resume-operations">https://www.nst.com.my/news/nation/2021/01/661465/mco-pasar-malam-nationwide-given-green-light-resume-operations</a> |
| 2.   | <b>The Edge Market</b><br>29 Jan 2021<br>( <i>Essential</i> )   | <b>Palm oil sector to continue offering recommendations to curb pandemic spread</b><br><br>The Malaysian plantation fraternity involved in the entire palm oil supply chain will continue to offer sectoral-related and most practical   | <a href="https://www.theedgemarkets.com/article/palm-oil-sector-continue-offering-recommendations-curb-pandemic-spread">https://www.theedgemarkets.com/article/palm-oil-sector-continue-offering-recommendations-curb-pandemic-spread</a>       |

|    |  |   |  |
|----|--|---|--|
|    |  | <p>recommendations to policymakers and the authorities to help mitigate the spread of Covid-19 in the industry.</p> <p>The associations called on all members and other stakeholders to work together to mitigate the spread of the virus by keeping all plantations and its entire supply chain safe and secure with very strict adherence to the standard operating procedures (SOPs).</p> <p>This would be preferable to a total shutdown of an essential pillar of the national economy, with concomitant socio-economic consequences for the industry and hundreds of thousands of smallholders.</p> |  |
| 4. | <p><b>New Straits Times</b><br/>30 Jan 2021<br/>(<i>Non-Essential</i>)</p> | <p><b>Another KL hotel closes</b></p> <p>A three-star hotel in the city centre here closed its doors yesterday. No reason was cited for the closure of the Silka Maytower Kuala Lumpur.</p> <p>The hotel would cease operating from 29 January 2021 since beginning of their operation in 2007. However, the hotel will still be operating at Silka Cheras Kuala Lumpur. Silka Hotels is a value hotel brand by Dorsett Hospitality International.</p>  | <p><a href="https://www.nst.com.my/news/nation/2021/01/661742/another-kl-hotel-closes">https://www.nst.com.my/news/nation/2021/01/661742/another-kl-hotel-closes</a></p> |

|    |   |  |   |
|----|---|--|---|
| 5. | <b>The Malay Mail</b><br>1 Feb 2021<br><i>(Essential)</i> | <b>No shutdown of economic activities despite rising Covid-19 cases, says Ismail Sabri</b><br><br>The government will not impose a strict lockdown akin to the movement control order (MCO) last year as this would devastate lower income groups.<br><br>Small traders and food sellers have seen their incomes halved or worse in the MCO, and this would evaporate completely if economic activities were restricted further. | <a href="https://www.malaymail.com/news/malaysia/2021/02/01/no-shutdown-of-economic-activities-despite-rising-covid-19-cases-ismail-sabri/1945906">https://www.malaymail.com/news/malaysia/2021/02/01/no-shutdown-of-economic-activities-despite-rising-covid-19-cases-ismail-sabri/1945906</a> |
|----|---|--|---|

**Penemuan penting & isu:**

1. Peniaga pasar malam seluruh negara dapat memulakan perniagaan bermula hari ini kecuali bagi peniaga pakaian. Laman Telegram Majlis Keselamatan Negara (MKN) menyenaraikan pasar malam dibenarkan beroperasi di kawasan terlibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula jam 4 petang sehingga 10 malam.
2. Kumpulan persatuan peladang-peladang Malaysia yang terlibat dalam keseluruhan rantaian bekalan minyak kelapa sawit akan terus mencadangkan langkah praktikal kepada pihak berkuasa dalam mengekang penularan wabak COVID-19 di dalam industri berkenaan. Kumpulan persatuan juga menyeru semua ladang dan rantaian bekalan bekerjasama mengurangkan penyebaran virus dengan mematuhi SOP.
3. Sebuah hotel bertaraf 3 bintang, Silka Maytower Kuala Lumpur telah menutup operasi bermula semalam. Hotel ini dibuka pada 2007 dan akan menutup operasi bermula 29 Januari 2021. Walau bagaimanapun, hotel Silka Cheras Kuala Lumpur masing beroperasi seperti biasa.
4. Kerajaan tidak akan melaksanakan PKP penuh seperti PKP tahun lalu kerana akan memberi kesan teruk kepada kumpulan berpendapatan rendah. Pendapatan peniaga kecil dan penjaja makanan juga telah merosot pada PKP ketika ini dan akan semakin terkesan jika kawalan aktiviti ekonomi diperketatkan lagi.

## Maklumbalas Bahagian:

1. Statistik utama tenaga buruh pada ST3 2020 berdasarkan Laporan Tenaga Buruh adalah seperti berikut:
  - i) Tenaga buruh: 15,840.6 ribu
  - ii) Penduduk bekerja: 15,095.6 ribu
  - iii) Penganggur: 745.0 ribu
  - iv) Luar tenaga buruh: 7,324.6 ribu
  - v) Kadar penyertaan tenaga buruh: 68.4%
  - vi) Kadar pengangguran: 4.7%
  
2. Laporan Statistik Guna Tenaga (SGT) meliputi statistik pekerja sektor swasta di Malaysia. Berikut merupakan maklumat berkaitan jawatan diisi mengikut aktiviti ekonomi berdasarkan SGT ST3 2020:
  - i) Jumlah jawatan diisi adalah sebanyak 8,292 ribu, di mana yang tertinggi direkodkan di sektor Perkhidmatan dengan 4,353 ribu (52.4%). Ini diikuti sektor Pembuatan sebanyak 2,153 ribu (26.0%) dan sektor Pembinaan sebanyak 1,262 ribu jawatan diisi (15.2%).
  - ii) Jawatan diisi di sektor Perkhidmatan disumbangkan oleh subsektor Perdagangan borong dan runcit sebanyak 1,544 ribu (18.6%). Ini diikuti oleh subsektor Kewangan, insurans, hartanah & perkhidmatan perniagaan sebanyak 927 ribu (11.2%) manakala Makanan & minuman dan penginapan sebanyak 786 ribu (9.5%).
  - iii) Sektor Pembuatan didominasi oleh subsektor Produk elektrik, elektronik dan optikal sebanyak 559 ribu (6.7%) diikuti Produk petroleum, kimia, getah dan plastik sebanyak 410 ribu (4.9%).
  - iv) Laporan Statistik Guna Tenaga (SGT) ST4 2020 disasar disebarakan kepada umum pada 9 Februari 2021.
  
3. Statistik pekerja bagi ST3 2020 mengikut aktiviti utama ekonomi berdasarkan Laporan Produktiviti Buruh ST3 2020 adalah seperti berikut:
  - i) Pertanian: 1,875 ribu orang
  - ii) Perlombongan dan pengkuarian: 78 ribu orang
  - iii) Pembuatan: 2,542 ribu orang
  - iv) Pembinaan: 1,404 ribu orang
  - v) Perkhidmatan: 9,197 ribu orang
  - vi) Jumlah: 15,096 ribu orang

4. Statistik produktiviti buruh bagi ST3 2020 mengikut aktiviti utama ekonomi berdasarkan Laporan Produktiviti Buruh ST3 2020 adalah seperti berikut:

| Aktiviti ekonomi             | Produktiviti buruh mengikut jam bekerja |                                 | Produktiviti buruh mengikut pekerja |                                 |
|------------------------------|---|---------------------------------|-------------------------------------|---------------------------------|
|                              | Nilai (RM)                              | Perubahan Peratusan Tahunan (%) | Nilai (RM)                          | Perubahan Peratusan Tahunan (%) |
| Pertanian                    | 28.4                                    | 0.6                             | 14,849                              | 0.3                             |
| Perlombongan dan pengkuarian | 458.8                                   | -4.5                            | 278,831                             | -4.6                            |
| Pembuatan                    | 56.0                                    | 6.9                             | 32,485                              | 3.6                             |
| Pembinaan                    | 17.9                                    | -9.0                            | 10,583                              | -10.2                           |
| Perkhidmatan                 | 38.3                                    | -1.4                            | 21,749                              | -3.9                            |
| <b>Jumlah</b>                | <b>41.0</b>                             | <b>0.1</b>                      | <b>23,248</b>                       | <b>-2.2</b>                     |

5. Berdasarkan Laporan Survei Gaji & Upah tahun 2019, penengah gaji & upah bulanan adalah RM2,442 manakala purata gaji & upah bulanan sebanyak RM3,224.